

20 NOV 1997

Langkawi-harga

KEMENTERIAN PUAS HATI HARGA BARANGAN BERPATUTAN DI LANGKAWI

LANGKAWI, 20 Nov (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berpuas hati dengan harga barangan dan caj perkhidmatan yang dianggap berpatutan di pulau peranginan ini.

Pengarah Bahagian Penguatkuasa Kementerian berkenaan, Datuk Abdul Jabbar Kamil, berkata ini terkandung dalam laporan pihak swasta dan pemeriksaan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa ke atas peniaga-peniaga di Langkawi baru-baru ini.

Pemeriksaan itu diadakan menjelang Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi '97 (LIMA '97) bagi memastikan barangan dan caj perkhidmatan berpatutan, katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa menstabilkan harga barangan dan caj perkhidmatan di sini, hari ini.

Beliau berkata pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian juga memeriksa semua kedai di Langkawi untuk merekodkan senarai harga yang dipamerkan.

"Pemeriksaan ini dijalankan berikutan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya harga barangan dan menu dipamerkan," katanya.

Jabbar berkata semasa LIMA '97 diadakan, pegawai-pegawai itu akan sekali lagi melakukan pemeriksaan ke atas kedai-kedai berkenaan untuk membuat perbandingan berdasarkan rekod yang ada.

"Jika ada perbezaan, pihak kami tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas peniaga berkenaan," katanya.

Mengenai bekalan sayuran dan makanan, Abdul Jabbar berkata FAMA memberi jaminan dapat membekalkan bahan itu walaupun permintaan dijangka bertambah semasa LIMA '97 mulai 2 hingga 7 Dis ini.

Mengenai cadangan menaikkan harga minyak masak, beliau meminta para peniaga supaya bersabar dan tidak tergesa-gesa untuk menaikkan harga sebaliknya hendaklah menunggu hingga selesai perbincangan yang diadakan antara kementerian berkenaan dan Kementerian Perusahaan Utama. -- BERNAMA

ZI/MAN NAK